



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

KENYATAAN TAWARAN TENDER PELUPUSAN (JUALAN SISA) ASET ALIH KERAJAAN



- Tawaran adalah dipelawa dari syarikat yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

BIL	KETERANGAN ASET	KOD BIDANG	TARIKH, MASA DAN TEMPAT LAWATAN ASET	PEMBELIAN DOKUMEN TENDER	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TUTUP TAWARAN
1	JBPM/IP/CPT(UPA): 400(S)-13/5/19 Jentera Bomba Rapid Fire Rescue Tender (RFRT) Ford F350X No. Pen. Kenderaan : BGR 5731	221902	<p>Tarikh: 1 – 14 November 2022</p> <p>Masa: 9.00 pagi hingga 3.00 petang</p> <p>Tempat: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak</p> <p>Lawatan Tapak (PIC) : En. Wan Mohd Asyraf bin Wan Mohd Azam (05-5298 4444)</p>	<p>Tarikh: 1 – 14 November 2022</p> <p>Masa: 9.00 pagi hingga 3.00 petang</p> <p>Tempat: Bahagian Pengurusan, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak</p> <p>BAYARAN RM 50 (Setiap Dokumen Tender)</p> <p>Wang TIDAK akan dikembalikan</p> <p>Wang Pos/ Draf Bank atas Nama: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak</p> <p>Dokumentasi(PIC) : Pn. Ernie Suriati binti Mokhtar (05-5298 4444)</p>	<p>Tarikh Tutup: 14 November 2021</p> <p>Masa: 12.00 tengah hari</p> <p>Tempat: Bahagian Pengurusan, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak</p>

- Kaedah jualan sisa bermaksud Aset Alih yang tidak boleh digunakan dalam bentuk dan fungsi asalnya.** Kaedah jualan sisa tidak boleh didaftarkan semula dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). JBPM akan memaklumkan kepada pihak JPJ untuk pembatalan pendaftaran kenderaan selepas proses jualan sisa selesai.
- Jualan sisa hanya ditawarkan kepada syarikat sahaja. **Orang perseorangan adalah tidak dibenarkan** untuk membuat tawaran harga.
- Aset akan dijual kepada syarikat yang menawarkan harga tertinggi dan tertakluk kepada syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang 221902 [Barang Lusuh (Perlu Permit)].
- Pendaftaran syarikat bagi kod bidang 221902 [Barang Lusuh (Perlu Permit)] adalah tertakluk kepada Permit Polis (Pol.104a) di Negeri-Negeri yang menguatkuasakan Lesen Akta Barang Lusuh 1946.
- Petender adalah dikehendaki menyertakan deposit tender sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM10,000 mengikut mana yang terendah. Deposit tender hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri/Akademi Malaysia yang ditetapkan dan perlu dibayar berasingan bagi kenyataan Tawaran Tender yang dikemukakan.**
- Tawaran tanpa / kurang deposit tender tidak akan dipertimbangkan.
- Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*). Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
- Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pretender yang berjaya.

10. Petender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam 14 hari dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari, deposit tender tidak akan dikembalikan.
11. Petender yang berjaya perlu menyelesaikan bayaran taksiran semula cukai kepada pihak KASTAM.
12. Petender yang berjaya perlu menyelesaikan proses pembatalan pendaftaran atau pertukaran hak milik kenderaan bersama-sama dengan wakil JBPM di Cawangan JPJ.
13. Petender yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
14. Kenyataan tawaran tender ini juga dipaparkan di laman web.

**KETUA PENGARAH,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7,
62250 PUTRAJAYA**